

Daripada : Unit Rekod, Peperiksaan & Penerbitan
Kepada : Pelajar UiTM Cawangan Pulau Pinang
Tarikh : 25 Jun 2024
No. Memo : HEA/2024 – 004(18)
Perkara : Pemakluman Peperiksaan Akhir Julai 2024

Assalamualaikum w.b.t. dan Salam Sejahtera.

Merujuk kepada Kalender Akademik Sesi II 2023/2024 Program Pra-Diploma, Diploma, Sarjana Muda, Sarjana, dan Kedoktoran bertarikh 12 Jun 2024 yang telah dikeluarkan oleh pihak Bahagian Hal Ehwal Akademik UiTM Shah Alam, tarikh Peperiksaan Akhir Julai 2024 ialah dari 15 Julai sehingga 4 Ogos 2024.

Sila ambil maklum perkara-perkara berikut:-

i) Semakan Jadual Peperiksaan Akhir Julai 2024

Pelajar boleh membuat semakan jadual peperiksaan menerusi *UiTM Examination Scheduling*. Rujuk **Lampiran 1** untuk ke pautan *UiTM Examination Scheduling*.

ii) Dokumen/Peralatan Perlu Dibawa ke Dewan Peperiksaan

Pelajar perlu membawa dokumen berkenaan bagi tujuan pengesahan:-

- Slip Menduduki Peperiksaan Induk/*Examination Registration Slip* (Rujuk **Lampiran 2**) yang boleh dimuat turun dari *i-Student Portal*; dan
- Kad Prihatin Siswa (KPS). Pelajar yang kehilangan KPS perlulah membuat laporan di Pejabat Polis Bantuan dan dapatkan pengesahan Unit Peperiksaan sebelum masuk ke dewan peperiksaan.

Pelajar perlu membawa sendiri alat tulis, kalkulator, dan peralatan berkaitan peperiksaan.

iii) Lokasi Peperiksaan

Peperiksaan akan dijalankan di Dewan Besar dan Bangunan BKBA (Kampus Permatang Pauh) dan Dewan Perpustakaan (Kampus Bertam). Pelajar **WAJIB** berada di lokasi peperiksaan sekurang-kurangnya 30 minit sebelum peperiksaan dijadualkan bermula. Pelajar boleh membuat semakan lokasi peperiksaan dan nombor meja menerusi Percetakan Penyata Peperiksaan Akhir Komprehensif (*ComprESs*). Rujuk **Lampiran 3** untuk ke pautan *ComprESs*.

iv) Sahsiah Rupa Diri Pelajar

Pelajar adalah tertakluk kepada Sahsiah Rupa Diri (SRD) yang telah ditetapkan oleh pihak UiTM. Pelajar yang tidak mematuhi SRD yang ditetapkan boleh dihalang dari menduduki peperiksaan atau dikenakan denda.

v) Kehadiran Pelajar

Pelajar **DIWAJIBKAN** hadir ke peperiksaan akhir. Pelajar yang tidak hadir tanpa sebab akan diberikan Status YY dan ianya kekal dalam transkrip rasmi pelajar. Pelajar yang mempunyai kecemasan (kematian ahli keluarga terdekat) atau masalah kesihatan yang menyebabkan tidak boleh menduduki peperiksaan akhir perlu memaklumkan kepada Penasihat Akademik, pensyarah mengajar, dan HEA dalam tempoh 24 jam selepas peperiksaan bagi kod kursus berkenaan tamat. Pelajar perlu menghantar sijil sakit/salinan sijil kematian/dokumen berkaitan untuk pengesahan kepada pihak HEA.

vi) Telefon Bimbit, Peranti Elektronik, Jam Pintar (Smart Watch), dan Alat Pendengaran (Headphone/Earpiece/AirPods)

Pelajar dibenarkan untuk membawa telefon bimbit dan jam pintar ke dalam dewan peperiksaan. Walaubagaimanapun, ianya perlu dimatikan dan diletakkan di atas lantai.

Peranti elektronik lain seperti komputer riba dan tablet, jam pintar (*smart watch*), serta alat pendengaran (*headphone/earpiece/AirPods*) **TIDAK DIBENARKAN** dibawa masuk ke dalam dewan peperiksaan.

Pelajar yang ingkar boleh dibawa ke Lembaga Tatatertib Akademik.

vii) Dilarang Meniru dan Membawa Nota

Pelajar dilarang meniru dan membawa nota ke dalam dewan peperiksaan. Pelajar yang didapati bersalah meniru dan membawa nota ke dalam dewan peperiksaan, pelajar boleh dihadapkan ke Lembaga Tatatertib Akademik; dan jika sabit kesalahan, pelajar boleh dijatuhi hukuman seperti termaktub dalam Akta 174, Akta Institusi-Institusi Pelajaran (Tatatertib) 1796.

viii) Taklimat Peperiksaan Akhir Julai 2024

Untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai Peperiksaan Akhir Julai 2024, pelajar boleh menonton video Taklimat Peperiksaan Akhir Julai 2024 yang disediakan di Platform Facebook HEA UiTM Cawangan Pulau Pinang. (Rujuk **Lampiran 4**)

Unit Peperiksaan akan beroperasi pada hari Sabtu dan Ahad sepanjang tempoh peperiksaan. Pelajar yang memerlukan bantuan dan pertanyaan berkenaan peperiksaan boleh mendapatkan bantuan dengan berhubung terus dengan Unit Peperiksaan menerusi talian 04-382 3193 atau emel kepada resexam@uitm.edu.my.

Sekian.

PROF. MADYA Ir. Ts. Dr. HAJAH SITI NORAINI SULAIMAN

Timbalan Rektor (Hal Ehwal Akademik)

MUKA SURAT 2/2

Bahagian Hal Ehwal Akademik

Academic Affairs Division

Universiti Teknologi MARA

Cawangan Pulau Pinang


Kampus Permatang Pauh

13500 Permatang Pauh, Pulau Pinang, MALAYSIA

Tel : +604-3822807 Faks: +604-382 2812

Emel : heapenang@uitm.edu.my

Lampiran	:	1
No. Memo	:	HEA/2024 – 004(18)
Perkara	:	Pemakluman Peperiksaan Akhir Julai 2024



Imbas QR Code untuk ke *UiTM Examination Scheduling*

Pautan : https://simsweb.uitm.edu.my/SPORTAL_APP/exam_schedule/index.htm

Lampiran : 2
No. Memo : HEA/2024 – 004(18)
Perkara : Pemakluman Peperiksaan Akhir Julai 2024

HEA/RA/PP-2000-3

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
ACADEMIC AFFAIRS DIVISION
40450 SHAH ALAM, SELANGOR
DARUL EHSAN

EXAMINATION REGISTRATION SLIP

Name : Campus : P4 - UiTM Kampus Permatang Pauh
Student ID : Faculty : EH - FACULTY OF CHEMICAL ENGINEERING
NRIC / : Programme : EH225 - BACHELOR OF CHEMICAL ENGINEERING (ENVIRONMENT) WITH HONOURS
Passport No. :
Address :
Mode of Study : S - Full Time
Part : 8
Semester : 20232 - Sesi 2 2022/2023
Examination : JUN 2023-
Date Printed : 12/07/2023 3:45 PM

NO.	COURSE CODE	COURSE NAME	CREDIT HOURS	GROUP	NOTE
1	CEV652	FINAL YEAR PROJECT II	3.00	PEH2258A1	
2	CEV663	DESIGN PROJECT	4.00	PEH2258A1	
3	CTU554	VALUES AND CIVILIZATION II	2.00	PEH2258A1	
4	ENT600	TECHNOLOGY ENTREPRENEURSHIP	3.00	PEH2258A1	

INSTRUCTION FOR STUDENTS

1. Please ensure that all information displayed in this slip is correct.
2. **Students are allowed to attend the examinations for only the courses listed in this slip.**
3. Students are required to bring this slip into the examination hall/room for inspection by invigilator(s).
4. **Students are responsible to check and verify the date and venue of each examination listed.**
5. Students are not allowed to bring books, notes, papers, documents, pencil cases or handbags to an examination.
6. Students are strictly not allowed to bring any electronic devices to an examination unless required for the examination.
7. Students are not allowed to enter and sit for examination after 30 minutes of the examination have elapsed.
8. Students are not allowed to COPY and COMMUNICATE during the examination.

STUDENT SIGNATURE

DATE


Lampiran	:	3
No. Memo	:	HEA/2024 – 004(18)
Perkara	:	Pemakluman Peperiksaan Akhir Julai 2024

Imbas QR Code untuk ke Sistem Percetakan Penyata Peperiksaan Akhir Komprehensif (*ComprESs*).



Kampus Permatang Pauh

Pautan : <https://appspenang.uitm.edu.my/ems/mainPage.php>



Kampus Bertam

Pautan : <https://appspenang.uitm.edu.my/kbtems/mainPage.php>

Lampiran	:	4
No. Memo	:	HEA/2024 – 004(18)
Perkara	:	Pemakluman Peperiksaan Akhir Julai 2024

Imbas QR Code untuk menonton video Taklimat Peperiksaan Akhir Julai 2024.



Video Taklimat Peperiksaan Akhir

Pautan : <https://fb.watch/prm0PAuJIC/?mibextid=qC1gEa>